

## الحديث الأول

فعن عثمان بن عفان رضي الله تعالى عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال:  
خيركم من تعلم القرآن وعلمه.

رواه أحمد وأصحاب الكتب الستة وفي رواية لابن ماجه عن سعد ولفظه خياركم  
ورواه ابن أبي دواد عن ابن مسعود ولفظه خياركم من قرأ القرآن وأقرأه.

(1) 'Uthman bin 'Affan *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Sebaik-baik orang dalam kalangan kalian: dia yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya kepada orang lain.

Riwayat Ahmad dan para penulis Kutub Sittah. Dalam satu riwayat oleh Ibn Majah: Daripada Sa'd (bin Abi Waqqas) dengan lafaz: Orang-orang yang paling baik (bentuk plural), dan ia juga diriwayatkan oleh Ibn Abi Dawud daripada Ibn Mas'ud dengan lafaz: Orang-orang yang paling baik dalam kalangan kalian: dia yang membaca al-Quran dan mengajar orang lain membacanya.

## الحديث الثاني

وعن عبد الله بن مسعود رضي الله تعالى عنه قال

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:

من قرأ حرفاً من كتاب الله، فله به حسنة، والحسنة بعشر أمثالها،

لا أقول الم حرف، ولكن، ألف حرف ولام حرف وميم حرف.

رواه الترمذي، قال حديث حسن صحيح.

(2) 'Abdullah bin Mas'ud *radhiyallahu 'anhu* ada meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Sesiapa yang membaca satu huruf daripada Kitabullah, maka dia mendapat satu hasanah, dan tiap satu hasanah dilipat sepuluh kali ganda. Aku tidak katakan *Alif Lam Mim* itu satu huruf, sebaliknya *Alif* itu satu huruf, *Lam* itu satu huruf, dan *Mim* juga satu huruf.

Riwayat at-Tirmidzi: *hadith Hasan Sahih*.

## الحديث الثالث

وعن عمر بن الخطاب رضي الله تعالى عنه، أن النبي صلى الله عليه وسلم قال

: إن الله تعالى يرفع بهذا الكتاب أقواما ويضع به آخرين.

رواه مسلم وابن ماجه.

(3) 'Umar bin al-Khattab *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Sesungguhnya Allah *ta'ala* mengangkat beberapa kaum dengan al-Quran, dan juga merendahkan kaum lain dengannya.

Riwayat Muslim dan Ibn Majah.

## الحديث الرابع

وعن أبي سعيد الخدري قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:  
يقول الرب تبارك وتعالى: من شغله القرآن عن ذكري ومسألتي، أعطيته أفضل ما  
أعطي السائلين وفصل كلام الله تعالى على سائر الكلام كفضل الله تعالى على  
خلقه.

رواه الترمذي، وقال حسن غريب.

(4) Abu Sa'id al-Khudri *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Allah *tabaraka wa ta'ala* berfirman: Sesiapa yang memberi tumpuan kepada al-Quran hingga kurang zikirnya dan doanya kepada Aku, pasti Aku akan kurniakan padanya nikmat dan ganjaran yang terbaik. Keutamaan kata-kata Allah jika dibandingkan dengan kata-kata makhluk, umpama keutamaan Allah jika dibandingkan dengan sekalian makhluk ciptaan-Nya.

Riwayat at-Tirmidzi: Hasan Gharib.

## الحديث الخامس

وعن أبي موسى الأشعري رضي الله تعالى عنه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: مثل المؤمن الذي يقرأ القرآن كمثل الأترجة، ريحها طيب وطعمها طيب، ومثل المؤمن الذي لا يقرأ القرآن كمثل التمرة لا ريح لها، وطعمها حلو، ومثل المنافق الذي يقرأ القرآن كمثل الريحانة، ريحها طيب، وطعمها مر، ومثل المنافق الذي لا يقرأ القرآن كمثل الحنظلة ليس لها ريح وطعمها مر . وفي رواية مثل الفاجر بدل المنافق.

رواه أحمد، والبخاري، ومسلم، وأبو داود، والترمذي والنسائي، وابن ماجه.

(5) Abu Musa al-Asy'ari *radhiyallahu 'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Mu'min yang membaca al-Quran umpama *utrujjah*; baunya wangi dan rasanya sedap. Mu'min yang tidak membaca al-Quran pula umpama *tamrah*; ia tidak mempunyai bau namun rasanya manis. Adapun munafiq yang membaca al-Quran, dia umpama *rayhanah*; baunya wangi namun rasanya pahit. Munafiq yang tidak membaca al-Quran pula umpama *hanzhalah*; ia tidak mempunyai bau bahkan rasanya pahit. Riwayat lain menggunakan kata *fajir* pada tempat *munafiq*. Riwayat Ahmad, al-Bukhari, Muslim, Abu Daud, at-Tirmidzi, an-Nasa'i dan Ibn Majah.